

**SOALAN LAZIM**  
**BAHAGIAN FISKAL DAN EKONOMI (FED)**  
**KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**

**Apakah jenis maklumat monetari dan fiskal yang boleh diperoleh dari laman sesawang Kementerian Kewangan?**

Siri masa maklumat berikut boleh diperoleh:

- a. Kewangan Sektor Awam Disatukan
- b. Kewangan Kerajaan Persekutuan
- c. Hasil Kerajaan Persekutuan
- d. Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Persekutuan
- e. Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan
- f. Pinjaman Bersih Kerajaan Persekutuan
- g. Hutang Dalam Negeri Kerajaan Persekutuan
- h. Hutang Negara
- i. Kewangan Kerajaan Negeri Disatukan
- j. Kewangan Kerajaan Tempatan Disatukan
- k. Kewangan Badan Berkanun Disatukan
- l. Kedudukan Kewangan PABK

**Apa itu Laporan Ekonomi?**

Laporan Ekonomi yang diterbitkan oleh Kementerian Kewangan menyediakan maklumat ekonomi dan kewangan bagi memenuhi keperluan pembuat dasar dan pengguna. Laporan ini meliputi penilaian pencapaian ekonomi, menampilkan isu-isu utama serta langkah dasar dalam pengurusan ekonomi, menggariskan cabaran ekonomi serta mengemukakan prospek bagi tahun yang akan datang. Laporan ini mengandungi lima bab iaitu:

- Bab 1 : Pengurusan dan Prospek Ekonomi
- Bab 2 : Prestasi Ekonomi dan Kerjasama Antarabangsa
- Bab 3 : Prestasi Ekonomi dan Prospek
- Bab 4 : Kewangan Sektor Awam
- Bab 5 : Perkembangan Monetari dan Kewangan

## **Bila dan bagaimana untuk mendapatkan Laporan Ekonomi?**

Laporan Ekonomi yang diterbitkan pada Hari Belanjawan Negara oleh Kementerian Kewangan boleh dimuat turun dari lama sesawang Kementerian atau dibeli secara terus daripada:

### **Percetakan Nasional Malaysia Berhad**

Jalan Chan Sow Lin

50554 Kuala Lumpur

03-92366888/92366895

03-92366999/92224773

[cservice@printnasional.com.my](mailto:cservice@printnasional.com.my)